

IQRA'

Bil. 9/2024
SEPTEMBER



KONVOI SEMARAK HARI MALAYSIA – RIDE TO DABONG 2024

SEPTEMBER 9, 2024



Konvoi Semarak Hari Malaysia 2024 – Ride to Dabong merupakan satu acara yang bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara peminat motosikal dan warga Malaysia. Acara ini diadakan bagi memperingati Hari Malaysia yang jatuh pada 16 September setiap tahun. Tahun ini, seramai 70 orang peserta konvoi ini telah melalui perjalanan yang penuh keindahan dan pengalaman. Konvoi bermotor ini berlepas pada jam 9.00 pagi dan pelepasan serentak melalui dua buah kampus Cawangan Kelantan iaitu Kampus Machang dan Kampus Kota Bharu.

Menzahirkan kecintaan kepada Negara adalah tidak mudah, namun anjuran program sebegini bukan sahaja dapat mengeratkan ukhuwah dan jurang antara dua buah Kampus Cawangan Kelantan malah dapat menjadi cerminan kepada generasi muda dengan mengibarkan bendera Malaysia di sepanjang jalan dari UiTM Kampus Kota Bharu hingga ke Gunung Stong Dabong. Antara tempat yang dilawati oleh peserta konvoi adalah Mercu tanda Gunung Stong dan Kompleks Gua Ikan merangkumi Gua Ikan, Gua Gelap, Gua Keris, Gua Pagar iaitu gua batu kapur yang mempunyai stalaktit dan stalagmit yang unik mempersonakan.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my